



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 842

AKTA PENANG FREE SCHOOL 1920

(Disemak — 2023)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Penang Free School Act 1920 [Akta 842]. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

AKTA PENANG FREE SCHOOL 1920

Disemak sehingga 15 Februari 2023

Tarikh penyiaran dalam *Warta* bagi edisi semakan ini 22 Februari 2023

Tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuat kuasanya
edisi semakan ini menurut perenggan 6(1)(xxiii)
Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [*Akta I*] 1 Mac 2023

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1920 sebagai
Negeri-Negeri Selat Bab 259

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 842*****AKTA PENANG FREE SCHOOL 1920***SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Perbadanan pemegang amanah berkanun
3. Bon, sekuriti dan wang tertentu yang terletak hak pada Perbadanan
4. Tujuan dan maksud am
5. Jawatankuasa pengurusan
6. Penyempurnaan dokumen
7. Keanggotaan Jawatankuasa
8. Bendahari bagi Pemegang Amanah
9. Akaun
10. Pemegang Amanah untuk membuat kaedah-kaedah

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 842****AKTA *PENANG FREE SCHOOL* 1920**

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemerbadanan badan berkanun pemegang amanah *Penang Free School* dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[1 Januari 1920]

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan *Akta Penang Free School* 1920.

Pemerbadanan pemegang amanah berkanun

2. (1) Orang yang dilantik di bawah subseksyen 7(1) sebagai Pemegang Amanah *Penang Free School* dan pengganti mereka dalam jawatan hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan di bawah nama “Pemegang Amanah *Penang Free School*” (“Perbadanan”) dan hendaklah kekal turun-temurun.

(2) Perbadanan boleh membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(3) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan dan meterai itu boleh ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(4) Perbadanan boleh, atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Perbadanan—

- (a) memperoleh, membeli, memajak, mengambil, memegang dan menikmati harta alih dan harta tak alih daripada tiap-tiap perihalan; dan
- (b) tertakluk pada Akta ini, menjual, memindahhakkan, menyerahkan, menyerahkan balik, dan memulangkan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahkan semula, memindahmilikkan atau selainnya melupuskan mana-mana harta alih dan harta tak alih yang terletak hak pada Perbadanan.

Bon, sekuriti dan wang tertentu yang terletak hak pada Perbadanan

3. (1) Semua bon, sekuriti dan wang yang dinyatakan dan diperihalkan dalam Jadual terletak hak pada Perbadanan, berserta dengan semua faedah terakru atau yang terakru yang genap masa ke atasnya, tertakluk pada amanah dan maksud yang lebih khususnya disebut dalam Jadual.

(2) Harta tak alih yang dinyatakan dalam fasal 3 Jadual terletak hak pada Perbadanan tertakluk pada apa-apa hak atau ekuiti penebusan yang wujud pada masa ini.

Tujuan dan maksud am

4. Tujuan dan maksud am Perbadanan ialah—

- (a) untuk memegang, mengawal dan mentadbir wang, dana, sekuriti dan harta yang terletak hak pada Perbadanan atau selepas ini diberikan kepada atau dalam apa-apa cara yang diperoleh oleh atau berada dalam jagaan atau kawalan Perbadanan dan pendapatannya, mengikut amanah atau bagi maksud yang menyentuh perkara yang sama masing-masing, atau dalam ketiadaan amanah atau maksud khas, bagi maksud am Perbadanan dan khususnya untuk melabur apa-apa wang yang pada masa itu memerlukan pelaburan dalam mana-mana pelaburan

yang dibenarkan oleh undang-undang untuk dana amanah atau dalam pembelian harta tak alih yang sesuai bagi maksud am Perbadanan;

- (b) untuk menyediakan atau membantu dalam menyediakan gaji bagi guru *Penang Free School*, dan hadiah dan biasiswa bagi pelajarinya, dan untuk menggalakkan pendidikan moral, intelek dan jasmani serta kesejahteraan pelajar dan guru *Penang Free School* dan secara amnya untuk menggalakkan kemajuan pendidikan; dan
- (c) apa-apa maksud lain yang sama dengan atau berfaedah bagi mencapai mana-mana tujuan yang disebut dalam perenggan (a) dan (b).

Jawatankuasa pengurusan

5. Hal ehwal Perbadanan hendaklah diuruskan oleh Pemegang Amanah yang pada masa itu hendaklah mempunyai kawalan penuh ke atas dana modal dan harta Perbadanan dan pendapatannya dan hendaklah mentadbir, mengarahkan dan memutuskan semua perkara yang berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal Perbadanan dan pencapaian tujuan dan maksud amnya, dan Pemegang Amanah hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan semua kuasa yang diberikan atau terletak hak pada Perbadanan oleh Akta ini.

Penyempurnaan dokumen

6. Semua surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang memerlukan meterai Perbadanan hendaklah dimeterai dengan meterai Perbadanan di hadapan sekurang-kurangnya dua orang Pemegang Amanah yang hendaklah menandatangani setiap surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang padanya meterai perbadanan itu dicapkan, dan penandatanganan sedemikian hendaklah menjadi bukti yang mencukupi bahawa meterai itu telah dicapkan dengan sewajarnya dan sepatutnya dan bahawa meterai itu adalah meterai Perbadanan yang sah.

Keanggotaan Jawatankuasa

7. (1) Pemegang Amanah hendaklah terdiri daripada orang yang pada masa itu melaksanakan kewajipan—

- (a) Ketua Menteri;
- (b) Bendahari Negeri;
- (c) Pengarah Pendidikan, Pulau Pinang; dan
- (d) tidak kurang daripada tiga orang tetapi tidak lebih daripada lima orang lain yang dilantik bagi tempoh tidak lebih daripada tiga tahun oleh Yang di-Pertua Negeri.

(2) Atas kematian, ketidakupayaan untuk bertindak, peletakan jawatan atau ketiadaan di Negeri selama lebih daripada tiga bulan mana-mana anggota yang disebut dalam perenggan (1)(d), seorang anggota baharu hendaklah dalam masa yang munasabah dilantik oleh Yang di-Pertua Negeri.

(3) Pemegang Amanah boleh bermesyuarat bersama bagi menyegerakan urusan, dan persoalan yang timbul pada mana-mana mesyuarat hendaklah diputuskan oleh majoriti undi Pemegang Amanah yang hadir pada mesyuarat itu, dan pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(4) Ketua Menteri hendaklah menjadi pengerusi dalam mesyuarat Pemegang Amanah dan jika dia tidak hadir, anggota kanan yang disebut dalam perenggan (1)(d) dan jika kedua-duanya tidak hadir, seorang pengerusi hendaklah dipilih daripada Pemegang Amanah yang hadir di mesyuarat itu.

(5) Tiada tindakan atau prosiding Pemegang Amanah boleh dipersoalkan atas sebab mana-mana Pemegang Amanah atau Pemegang-Pemegang Amanah tidak hadir dalam mana-mana mesyuarat atau atas sebab apa-apa kekosongan dalam badan Pemegang Amanah.

Bendahari bagi Pemegang Amanah

8. Bendahari bagi Pemegang Amanah hendaklah menjadi Bendahari Negeri.

Akaun

9. Pemegang Amanah hendaklah menyebabkan supaya buku akaun disimpan dengan sepatutnya dan dalam tempoh dua bulan selepas penutupan setiap tahun Pemegang Amanah itu hendaklah menyebabkan supaya disediakan penyata penerimaan dan pengeluaran pada tahun sebelumnya, dan perkara yang sama hendaklah tertakluk pada apa-apa audit dan diterbitkan mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Yang di-Pertua Negeri.

Pemegang Amanah untuk membuat kaedah-kaedah

10. (1) Tertakluk pada kelulusan Yang di-Pertua Negeri, Pemegang Amanah boleh membuat kaedah-kaedah—

- (a) untuk mengawal selia prosiding Pemegang Amanah, panggilan mesyuarat, kuorum yang perlu bagi perjalanan urusan, pengundian Pemegang Amanah dan tatacara bagi perjalanan urusan;
- (b) bagi pelantikan jawatankuasa;
- (c) bagi pelantikan dan saraan seorang Setiausaha;
- (d) untuk mengagihkan tugas dan untuk mengawal selia penggunaan kuasa eksekutif oleh mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil dan pegawai Perbadanan;
- (e) untuk mengawal selia penyimpanan dan pembentangan akaun;
- (f) secara amnya untuk melaksanakan maksud Akta ini.

(2) Salinan terperaku semua kaedah-kaedah sedemikian hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

JADUAL

Butir-butir dana, sekuriti dan wang	Butir-butir amanah yang menyentuh perkara yang sama
<p>1. (a) 5½ peratus daripada lima Bon \$1,000 setiap satu bernombor B 03554 hingga B 03558 di Negeri-Negeri Selat. Pinjaman Perang. 5½ peratus daripada dua Bon \$100 setiap satu bernombor C/1 00441 dan C/1 00442 di Negeri-Negeri Selat. Penukaran Pinjaman Perang.</p> <p>(b) Wang tunai \$70.</p> <p>Semua sekuriti dan wang tunai mewakili dana \$5,000 yang dikenali sebagai Dana Amanah Tye Kee Yoon dan faedah ke atasnya berjumlah \$270.</p>	<p>Pendapatan yang digunakan bagi atau terhadap pembayaran yuran sekolah murid miskin dan yang memerlukan.</p>
<p>2. (a) 5½ peratus daripada empat Bon \$1,000 setiap satu bernombor B 03559 hingga B 03561 dan B 04377 di Negeri-Negeri Selat. Pinjaman Perang.</p> <p>(b) Wang tunai \$216.</p> <p>Semua sekuriti dan wang tunai mewakili dana \$4,000 yang dikenali sebagai Dana Amanah Pertubuhan Ghi Hin dan Faedah ke atasnya berjumlah \$216.</p>	<p>Pendapatan yang digunakan bagi maksud menyediakan pendidikan percuma untuk murid Cina.</p>
<p>3. (a) 5½ peratus daripada tiga Bon \$1,000 setiap satu bernombor C/3 00083 hingga C/3 00085 di Negeri-Negeri Selat. Penukaran Pinjaman Perang. 5 peratus daripada Sijil No. 67 bernilai \$4,000, Sijil No. 80 bernilai \$5,000 dan Sijil No. 48 bernilai \$5,000 di Pulau Pinang. 6 peratus daripada Debentur Munisipal dan Sijil</p>	<p>Pendapatan yang digunakan bagi maksud am.</p>

Butir-butir dana, sekuriti dan wang	Butir-butir amanah yang menyentuh perkara yang sama
<p>No. 48 bernilai \$3,000 di Pulau Pinang. Debentur Munisipal. 5 peratus daripada Sijil No. 275 bernilai \$3,000 di Singapura. Debentur Munisipal.</p> <p>Hutang gadai janji \$18,000 yang dijamin dengan Indentur Gadai Janji bertarikh 6 haribulan Disember 1916, dan dibuat antara Khaw Joo Teang bagi satu pihak dan Jawatankuasa Pengurusan <i>Penang Free School</i> bagi pihak yang lain dan manfaat penuh semua sekuriti yang sama termasuk harta tak alih berikut, iaitu:</p> <p>Dua keping tanah yang dikenali sebagai Lot 103 dan 104, Pecah bahagi XIX Bandar, menjadi sebahagian daripada tanah yang terkandung dalam Geran No. 162 dengan mesuaj dan premis yang didirikan di atasnya dan dikenali sebagai No. 3 dan 3A, Lebu Leith, Pulau Pinang.</p> <p>(b) Wang tunai \$1,160.</p> <p>Semua sekuriti dan wang tunai mewakili dana \$40,000 yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Endowmen <i>Penang Free School</i> dan Faedah ke atasnya berjumlah \$2,160.</p> <p>4. (a) 5½ peratus daripada empat Bon \$1,000 setiap satu bernombor C/3 00086 hingga C/3 00089 termasuk, C/4 00182 bagi \$5,000 di Negeri-Negeri Selat. Penukaran Pinjaman Perang.</p>	<p>Pendapatan yang digunakan bagi atau terhadap pembayaran perbelanjaan pendidikan anak miskin Islam.</p>

Butir-butir dana, sekuriti dan wang	Butir-butir amanah yang menyentuh perkara yang sama
<p>(b) Wang tunai \$169.80.</p> <p>Semua sekuriti dan wang tunai mewakili dana \$8,700 yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Amanah Shaik Imam dan Faedah ke atasnya berjumlah \$469.80.</p>	
<p>5. (a) 5½ peratus daripada dua Bon \$100 setiap satu bernombor C/1 00447 dan C/1 00448 dan satu Bon bagi \$1,000 bernombor C/3 00090 di Negeri-Negeri Selat. Penukaran Pinjaman Perang.</p>	<p>Pendapatan yang digunakan bagi menyediakan Biasiswa yang dipanggil "<i>The Gottlieb Scholarship</i>".</p>
<p>(b) Wang tunai \$64.80.</p> <p>Semua sekuriti dan wang tunai mewakili dana \$1,200 yang dikenali sebagai <i>The Gottlieb Scholarship</i> dan Faedah ke atasnya berjumlah \$64.80.</p>	
<p>6. (a) 5½ peratus daripada tiga Bon \$1,000 setiap satu bernombor B 04380 hingga B 04382 termasuk di Negeri-Negeri Selat. Pinjaman Perang dan 5½ peratus daripada satu Bon bagi \$100 bernombor C/1 00443 di Negeri-Negeri Selat. Penukaran Pinjaman Perang.</p>	<p>Pendapatan yang digunakan bagi atau terhadap pembayaran yuran sekolah murid Cina miskin dan yang memerlukan.</p>
<p>(b) Wang tunai \$62.</p> <p>Semua sekuriti dan wang tunai mewakili dana \$3,000 yang dikenali sebagai Yayasan Khoo Sian Ewe dan Faedah ke atasnya berjumlah \$162.</p>	
<p>7. (a) 5½ peratus daripada satu Bon bagi \$1,000 bernombor B 04378 di Negeri-Negeri Selat. Pinjaman Perang.</p>	<p>Pendapatan yang digunakan bagi menyediakan hadiah sekolah dan satu Biasiswa.</p>

Butir-butir dana, sekuriti dan wang	Butir-butir amanah yang menyentuh perkara yang sama
<p>(b) Wang tunai \$54.</p> <p>Semua sekuriti dan wang tunai mewakili dana \$1,000 yang dikenali sebagai Biasiswa Lee Boon Choe dan Faedah ke atasnya berjumlah \$54.</p>	
<p>8. (a) 5½ peratus daripada satu Bon bagi \$1,000 bernombor B 04379 di Negeri-Negeri Selat. Pinjaman Perang.</p> <p>(b) Wang tunai \$54.</p> <p>Semua sekuriti dan wang tunai mewakili dana \$1,000 yang dikenali sebagai Yayasan Yeap Gaik Ee Neoh dan Faedah ke atasnya berjumlah \$54.</p>	<p>Pendapatan yang digunakan bagi menyediakan hadiah sekolah.</p>
<p>9. (a) 5½ peratus daripada satu Bon bagi \$1,000 bernombor B 04383 di Negeri-Negeri Selat. 5½ peratus daripada Pinjaman Perang dan Satu Bon bagi \$500 bernombor C/2 00266 di Negeri-Negeri Selat. Penukaran Pinjaman Perang.</p> <p>(b) Wang tunai \$81.</p> <p>Semua sekuriti dan wang tunai mewakili dana \$1,500 yang dikenali sebagai Biasiswa Khoo Cheow Teong dan Faedah ke atasnya berjumlah \$81.</p>	<p>Pendapatan yang digunakan bagi menyediakan Biasiswa.</p>
<p>10. (a) 5½ peratus daripada satu Bon bagi \$500 bernombor C/2 00267 di Negeri-Negeri Selat. Penukaran Pinjaman Perang.</p>	<p>Pendapatan yang digunakan bagi hadiah sekolah.</p>

Butir-butir dana, sekuriti dan wang	Butir-butir amanah yang menyentuh perkara yang sama
<p>(b) Wang tunai \$27.</p> <p>Semua sekuriti dan wang tunai mewakili dana \$500 yang dikenali sebagai Biasiswa Jubli Intan dan Faedah ke atasnya berjumlah \$27.</p>	
<p>11. (a) 5½ peratus daripada satu Bon bagi \$100 bernombor C/1 00449 dan satu Bon bagi \$500 bernombor C/2 00264 di Negeri-Negeri Selat. Penukaran Pinjaman Perang.</p> <p>(b) Wang tunai \$32.40.</p> <p>Semua sekuriti dan wang tunai mewakili dana \$600 yang dikenali sebagai Biasiswa Tunku Syed Husin dan Faedah ke atasnya berjumlah \$32.40.</p>	<p>Pendapatan tahunan yang digunakan bagi menyediakan biasiswa kepada murid Islam.</p>
<p>12. (a) 5½ peratus daripada satu Bon bagi \$1,000 bernombor B 04384 di Negeri-Negeri Selat. Pinjaman Perang dan 5½ peratus daripada 2 Bon \$100 setiap satu bernombor C/1 00444 dan C/1 00445 di Negeri-Negeri Selat. Penukaran Pinjaman Perang.</p> <p>(b) Wang tunai \$73.30.</p> <p>Semua sekuriti dan wang tunai mewakili dana \$1,208.07 yang dikenali sebagai Biasiswa Keamanan dan Faedah ke atasnya berjumlah \$65.23.</p>	<p>Pendapatan tahunan yang digunakan bagi menyediakan Biasiswa.</p>
<p>13. (a) 5½ peratus daripada satu Bon bagi \$100 bernombor C/1 00446, satu Bon \$500 bernombor C/2 00265 dan satu Bon bagi \$1,000 bernombor C/3 00091 di Negeri-Negeri Selat. Penukaran Pinjaman Perang.</p>	<p>Pendapatan yang digunakan bagi atau terhadap pembayaran yuran sekolah murid miskin dan yang memerlukan.</p>

Butir-butir dana, sekuriti dan wang	Butir-butir amanah yang menyentuh perkara yang sama
<p>(b) Wang tunai \$39.95 iaitu Wang Runcit \$20 Deposit Bank Simpanan Fu Shin Tseng \$17.05 dan Wang Tunai \$2.90.</p> <p>Semua sekuriti dan wang tunai mewakili dana \$1,555.93 yang dikenali sebagai Dana Ihsan dan Faedah ke atasnya berjumlah \$84.02.</p>	

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 842

AKTA PENANG FREE SCHOOL 1920

(Disemak—2023)

*Butiran di bawah perenggan 7(ii) dan (iii) dalam
Akta Semakan Undang-undang 1968 [Akta 1]*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.T.M. Ord. No. 1/1948	Ordinan Pemindahan Kuasa 1948	06-03-1948
P.T.M. Ord. No. 9/1953	Ordinan <i>Penang Free School</i> (Pindaan) 1953	19-02-1953
P.U. 192/1958	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Pengubahsuaian Undang-Undang) (Ordinan <i>Penang Free School</i>) 1958	10-07-1958

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No.	Tajuk
N.N.S. Bab 259	Ordinan <i>Penang Free School</i> 1920